

Jadikan sungai hak milik kita

KOSMO 11/5/20 16.5.07

Kempen tersebut perlu fokus untuk merubah sikap individu atau organisasi dan bukan hanya setakat menyuntik kesedaran semata-mata.

Oleh MELATI MOHD. ARIF

KEMPEN *Cintai Sungai Kita* yang dilancarkan kira-kira 15 tahun lalu akhirnya diisytihar sebagai gagal. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, apa yang dicintai ketika ini ialah keindahan tebing sungai sahaja iaitu menanam pokok bunga, bukannya kebersihan dalam sungai.


Menteri itu kemudiannya mengemukakan terdapat rancangan untuk melancarkan kempen baru *Cintai Sungai Kita* dengan belanja RM10 juta bagi mendidik orang ramai supaya melindungi sungai di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka melancarkan kempen baru ini pada bulan Jun ini.

Kempen *Cintai Sungai Kita* ini se-



KEBANYAKAN sungai kini menjadi pembentung najis terbuka.



kempen *Cintai Sungai Kita* ini sebenarnya telah mengundang banyak teguran dan kritikan termasuk daripada pencinta-pencinta alam sekitar dan pertubuhan bukan kerajaan (PBK). Seseengahnya mendakwa, kempen tersebut hanya membazirkan wang rakyat.

Bagaimanapun, yang pasti, sungai memainkan peranan penting antaranya membekalkan keperluan air dalam kehidupan kita. Perkara inilah yang perlu ditekankan kepada orang ramai bagi mendapatkan sokongan mereka dalam usaha melindungi dan memulihara sungai.


“Kita sepatutnya mengucapkan tahniah kepada menteri berkenaan kerana pengakuan tentang kelemahan ini dan tindakan tegas yang diambil untuk membetulkan keadaan. Namun kita perlu melihat isi dan pendekatan kempen baru yang bakal dilancarkan sebelum dapat mengulas lebih lanjut,” kata Pegawai Kanan Program, Program Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai Pusat Alam Sekitar Global (GCE), Dr. K Kalithasan.

Bagaimanapun, katanya, kempen *Cintai Sungai Kita* yang baru perlu mendukung pendekatan ekosistem yang holistik. Masyarakat perlu dididik mengenai kepentingan sungai dari kawasan tadahan air hingga kepada hutan bakau.

“Kempen tersebut perlu fokus untuk merubah sikap individu atau organisasi dan bukan hanya setakat menyuntik kesedaran semata-mata. Ia juga perlu menjadikan masyarakat merasa sungai itu adalah hak milik mereka.

“Didik juga orang ramai untuk menjadi mata dan telinga pihak penguatkuasa. Didik supaya mereka boleh bertindak ke atas punca pencemaran, umpamanya kawasan pembinaan, gerai-gerai makan dan bengkel-bengkel kereta,” kata Dr. Kalithasan.

Beliau turut menyatakan pandangan



APABILA sungai dipulihkan aktiviti bersampan dan rekreasi dapat dijalankan.

bahawa, Pertubuhan Berasaskan Komuniti perlu dilibatkan dalam proses perancangan dan pelaksanaan kempen baru tersebut memandangkan pertubuhan-pertubuhan itu adalah pihak penting untuk kejayaan sebarang program yang melibatkan masyarakat.

“Ini merupakan berita yang baik ketika banyak sungai kita terutamanya yang mengalir di tengah-tengah bandar telah bertukar menjadi pembetung najis terbuka,” kata Presiden Water Watch Penang (WWP), Dr Chan Ngai Weng mengenai kempen *Cintai Sungai Kita* yang baru ini.

Bagaimanapun, bagi memastikan kempen baru ini berkesan, beliau berkata, ia perlu diintegrasikan dengan pelan ‘Satu Sungai Satu Negeri’ (OSOR) yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS).

Kedua-dua program itu, tegas beliau, perlu saling lengkap-melengkapi, antara

satu sama lain, bukannya bersaing atau bertindih.

Agensi-agensi yang bertanggungjawab ke atas kedua-dua program tersebut tambahna, perlu duduk semeja dan membincangkan strategi yang berbeza, matlamat dan pelaksanaan program.

Menurut laman web JPS, di bawah pelan OSOR, JPS Negeri dikehendaki mengenal pasti sebuah sungai dan merumuskan pelan bertindak dengan mengenal pasti masalah, menentukan pihak yang berkepentingan dan meninjau jalan penyelesaian yang mungkin dapat dilaksanakan.

Dr. Chan juga mengingatkan supaya kempen *Cintai Sungai Kita* yang baru tidak hanya memfokus kepada sungai paling tercemar atau sungai yang paling cantik mahu pun sungai dikenal pasti atas syor sebuah agensi semata-mata.

Kempen *Cintai Sungai Kita* yang baru

perlu difrancaiskan di negeri-negeri yang tidak mempunyai agensi atau kemampuan untuk melaksanakannya.

Ini merupakan satu lagi cadangan yang dikemukakan oleh Presiden WWP ini.

Menurut beliau, pihak kerajaan perlu francaiskan kempen baru tersebut kepada PBK yang mempunyai kemampuan dan kemahiran untuk menjalankan program yang seumpamanya.

Sekiranya ada negeri yang tidak setuju dengan buah fikiran francais ini, Dr. Chan mempunyai satu lagi alternatif. Ia dipanggil Rakan Kongsi Kerajaan-Swasta dengan maklumat dan sumbangan dari jabatan kerajaan, perunding swasta atau syarikat pengiklanan, PBK dan masyarakat setempat.

“Pendekatan ini berbentuk dari bawah ke atas dan bukan dari atas ke bawah. Orang ramai perlu diberi kuasa untuk melaksanakan program ini dan mera-



ORANG ramai boleh dididik menjadi mata dan telinga pihak penguat kuasa.

Kasmo m/s 21 16.5.07
sakan sungai itu adalah milik mereka. Sekiranya perasaan pemilikan ini tiada, tidak ada kempen yang akan berjaya dan lebih banyak sampah akan dibuang ke dalam sungai daripada jumlah yang dikutip," tambahnya.

Dr. Chan juga mengemukakan cadangan diwujudkan apa yang dipanggil sebagai Pusat Pendidikan Sungai (REC) yang boleh dimajukan sebagai tarikan pelancong, dengan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian.

"WWP pernah mencadangkan pelan ini bertahun-tahun yang lalu sewaktu kerajaan pusat memberi peruntukan wang untuk membersihkan Sungai Pinang.

Cadangan kami ditolak kerana setengah pihak merasakan ia menelan belanja yang banyak dan PBK tidak mampu mengendalikan pusat yang sedemikian," keluh beliau.

Menurutnya, di bawah gagasan REC itu, sebidang tanah diperlukan di tebing Sungai Pinang, dibangunkan sebuah bangunan lengkap dengan muzium sungai, makmal menguji air, dewan syarahan, mini teater untuk menonton video (dokumentari sungai), kantin dan tandas, kemudahan memerhati unggas serta memancing ikan.

"Apabila sungai dipulihkan kepada keadaan yang lebih baik, aktiviti ber-

saman dan rekreasi yang lain dapat dijalankan. REC ini juga boleh digunakan untuk kajian pendidikan, penyelidikan dan membina kesedaran.

"Sebagai contoh di Pulau Pinang, Sungai Pinang merupakan satu lembangan yang kecil tetapi kawasannya unik dari banyak aspek pendidikan yang boleh dikaji dan dijadikan menarik untuk orang ramai. Ini termasuk sejarah geologi, kepelbagaian ekologi dan sejarah Orang Asli," jelas Dr. Chan.

Peringkat awal pembinaan REC itu, tambah beliau perlu dibiayai kerajaan dengan sejumlah sumbangan dari syarikat-syarikat besar atau multi-nasional.

"Sebaik sahaja pusat ini sudah beroperasi, syarikat swasta boleh diminta untuk membuat sumbangan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat mereka.

"Pusat ini juga boleh menampung pembiayaannya dengan mengenakan sedikit bayaran kepada pelawat. Jualan cenderahati dan lawatan sungai dengan jurupandu boleh juga menghasilkan pendapatan. Untuk mengurangkan kos operasi, pesara profesional boleh diambil sebagai kaki tangan pusat ini.

Matlamatnya supaya pusat ini boleh membiayai operasinya sendiri," demikian pandangan Dr. Chan.